

Newspaper	Berita Harian
Date	16/5/2011

PM beri syarahan di Oxford

Najib sentuh isu Islamophobia berikutan peristiwa pembunuhan Osama

Dari London

Kadir Dikoh

kadiro@bharian.com.my



DATUK Seri Najib Razak diangka menyentuh permasalahan Islamophobia dan keganasan, isu lama tetapi kebimbangan mengenainya tercetus semula berikutan pembunuhan pemimpin al-Qaeda, Osama Bin Laden, dalam syarahan di Universiti Oxford dekat London, di sini petang ini (kira-kira jam 12 malam ini waktu Malaysia).

Perdana Menteri yang dijangka tiba di sini dari Doha pagi ini waktu tempatan untuk memulakan lawatan kerja dua hari, akan menyampaikan syarahan bertajuk Gabungan Golongan Sederhana dan Ke-fahaman Antara Tamadun, di hadapan kira-kira 600 hadirin terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat di United Kingdom (UK) termasuk kumpulan antara agama.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK, Datuk Zakaria Sulong, berkata tajuk yang akan disentuh Najib amat relevan dalam keadaan sekarang kerana isu keganasan timbul kembali setelah Osama dibunuh oleh tentera Amerika Syarikat baru-baru ini.

Katanya, acara pertama Najib yang tertumpu di sekitar Oxford ialah melawat tapak baru Pusat Pengajian Islam Oxford (OXCIS), yang pembinaan auditorium ditaja oleh Kerajaan Malaysia.

"Reka bentuk dalamannya direka oleh syarikat seni bina dari Malaysia yang memperlihatkan kehalusan seni ukiran kayu dan sudah hampir siap



NAJIB berkata sesuatu pada pertemuan dengan Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani (kanan) dan Perdana Menteri Qatar, Sheikh Hamad Jassim Jabr Al-Thani di Doha, semalam, pada lawatan rasminya selama dua hari ke negara itu.

sepenuhnya," katanya kepada wartawan Malaysia, di sini semalam.

Difahamkan, projek dengan kos RM12 juta itu membabitkan penggunaan 80 hingga 140 tan kayu merbau, siap diukir pelbagai motif berasaskan seni budaya tempatan. Pemasangan menggabungkan seni ukiran tempatan dengan geometri Islam, membabitkan jalinan unik di

bahagian siling, lantai, galeri dan dinding auditorium itu.

Zakaria berkata, Najib kemudian menghadiri majlis Jamuan Teh Perdana Menteri Bersama Pelajar Malaysia di Macdonald Randolph Hotel yang dijangka dihadiri kira-kira 180 pelajar, kebanyakannya dari Universiti Oxford, Universiti Oxford Brooke dan Universiti Cam-

bridge, selain ahli persatuan pelajar Malaysia-UK.

Pada majlis ini, pelajar boleh mengambil kesempatan bertanya sebarang isu semasa kepada Perdana Menteri ketika sesi soal jawab. Lawatan ke Oxford diakhiri dengan majlis jamuan malam dihadiri oleh pengurusan kanan universiti terkemuka itu.